

15/06/2002

Optimal unjur jualan tahunan RM3.8b pada 2005

Nor Liza Ahmad

KUMPULAN Optimal, usaha sama Petronas dan Dow Chemical, gergasi kimia berpangkalan di Amerika Syarikat mengunjurkan pendapatan jualan tahunan RM3.8 bilion apabila loji petrokimianya di Kertih, Terengganu beroperasi sepenuhnya menjelang 2005.

Loji berkenaan yang dibangunkan di kawasan seluas 90 hektar dengan keluasan binaan kira-kira 10 juta kaki persegi, mempunyai keupayaan mengeluarkan sejuta tan rangkaian produk petrokimia merangkumi glycol, butanol dan ethylene setahun.

Ia adalah loji petrokimia terbesar di negara ini dan juga operasi usaha sama terbesar yang dimiliki Dow Chemical bagi rantau Asia.

Ketua Eksekutif Optimal, Robert Kisker, berkata pemulihan ekonomi global berupaya menyumbang kepada pengukuhan permintaan terhadap produk petrokimia, sekali gus memberi kesan positif kepada pertumbuhan operasi kumpulan.

Sejak beroperasi empat bulan lalu, Optimal sudah membekalkan lebih 150,000 tan produk derivatif kepada pasaran tempatan dan eksport termasuk Thailand, Filipina, Jepun, China, Korea dan Taiwan.

Katanya, Optimal komited untuk meneruskan pelaburannya dalam sektor petrokimia tempatan yang mempunyai potensi besar untuk berkembang sejajar pemulihan ekonomi semasa.

Loji petrokimia Optimal terletak di Kompleks Industri Petroleum Petronas (PPIC), Kertih, Terengganu. Ia dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

"Kami akan memanfaatkan sepenuhnya kemudahan prasarana yang disediakan Petronas bagi menggandakan keupayaan yang dimiliki dalam kegiatan petrokimia.

"Optimal sehingga kini sudah melabur kira-kira RM7.5 bilion bagi memajukan projek petrokimia di negara ini," katanya pada taklimat media di Kuala Lumpur, semalam.

Operasi Optimal di Malaysia disokong tiga entiti korporat, iaitu Optimal Chemicals (Malaysia) Sdn Bhd (Optimal Chemicals), Optimal Glycols (Malaysia) Sdn Bhd (Optimal Glycols) dan Optimal Olefins (Malaysia) Sdn Bhd (Optimal Olefins).

Optimal dan Petronas masing-masing mempunyai kepentingan 50 peratus dalam Optimal Glycols dan Optimal Chemicals.

Sementara dalam Optimal Olefins, Petronas memegang 64.25 peratus kepentingan, manakala Optimal (23.75 peratus) manakala bakinya dimiliki Sasol yang berpangkalan di Afrika Selatan.

Kumpulan itu kini mempunyai 700 kakitangan dengan 75 peratus daripadanya adalah rakyat tempatan.

Kisker berkata, syarikat merancang meningkatkan bilangan tenaga kerjanya di kalangan rakyat tempatan kepada sekurang-kurangnya 95 peratus pada 2005.

Sasaran itu katanya adalah sebahagian rancangan Optimal meningkatkan kepakaran rakyat tempatan dalam industri petrokimia yang menggunakan teknologi bertaraf dunia.

Pembukaan operasi Optimal di Kertih, yang dilihat berupaya mengukuhkan sasaran Malaysia sebagai pusat petrokimia serantau dengan memanfaatkan sumber petroleum negara bagi meningkatkan daya saing ekonomi negara pada peringkat global.

(END)

